



St Leonard's College
An education for life.

Lulusan Tahun 2023

Kecemerlangan Akademik



Program Akademik Kami

St Leonard's College menawarkan program Victorian Certificate of Education (VCE) dan International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) sebagai laluan pendidikan tinggi. Kedua-dua laluan memberikan pangkat Australian Tertiary Admissions Rank (ATAR) bagi lulusan Tahun 12. ATAR menunjukkan pencapaian pelajar berbanding pelajar lain di peringkat negara. Pangkat tertinggi 99.95.

VCE adalah kursus fleksibel yang hanya mewajibkan satu mata pelajaran bahasa Inggeris (English, Literature, English Language atau English as Additional Language). Pelajar dapat menyesuaikan kursus mengikut minat dan cita-

citanya. Mereka dapat menggabungkan Vocational Education and Training (VET) dengan Pengajian Pendidikan Tinggi. Untuk penerangan lanjut tentang VCE, sila layari vcaa.vic.edu.au

Kurikulum IB Diploma Programme (DP) terdiri daripada enam kumpulan mata pelajaran serta mata pelajaran teras DP. Pelajar mesti mengambil bahasa Inggeris, satu bahasa tambahan, satu subjek kemanusiaan, satu subjek sains, dan matematik. Subjek keenam boleh merupakan subjek seni: muzik, teater atau seni tampak. Pelajar juga boleh memilih satu subjek bahasa, kemanusiaan atau sains tambahan. Teras DP termasuk:

Theory of Knowledge (TOK) – mengkaji ilmu pengetahuan dan mengapa manusia berbeza-beza pemikiran; Extended Essay – kertas penyelidikan berdikari 4,000 kata; dan Creativity, Activity, Service (CAS) – mendorong keseimbangan serta penglibatan dan kepimpinan pelajar dalam bidang seni, sukan dan khidmat masyarakat.

St Leonard's College sekolah pertama di Victoria yang memperkenalkan IBDP, pada tahun 1982. IBDP kini diiktiraf di lebih 150 negara untuk kemasukan universiti, termasuk di Australia. Untuk penerangan lanjut tentang IBDP, sila layari ibo.org/programmes/

IBDP


VCE

Gabungan


96.35
Median IBDP
ATAR



87.05
Median VCE
ATAR



91.65
Median Gabungan
ATAR



2
skor pengajian sempurna
50

20.2%
Skor Pengajian
40+*

100%
permohonan VTAC mendapat tawaran dalam pusingan-pusingan tawaran utama

Pelajar IBDP yang memohon melalui Victorian Tertiary Admissions Centre (VTAC) mendapat ATAR anggaran. ATAR anggaran berdasarkan keseluruhan keputusan diploma IB mereka, iaitu agregat markah enam mata pelajaran ditambah Theory of Knowledge dan Extended Essay.

Keputusan mungkin meningkat sementara menunggu pengesahan muktamad Pejabat International Baccalaureate tentang EUR (Pertanyaan tentang Keputusan). Keputusan sah pada 29 Januari 2024.

*20.2% pelajar mencapai skor pengajian melebihi 40.

Renungan Para Pelajar Terbaik Kami

Paling saya suka tentang St Leonard's adalah penekanan pada kesihatan mental dan perhatian terperinci dan peribadi kepada setiap pelajar. Saya berasa sekolah ini menghargai saya dan setiap pelajar.



Tiancong (Sam) Shen
VCE Dux
ATAR 99.8

Guru-guru St Leonard's benar-benar ambil berat tentang pelajar, berusaha sehingga kami faham segala konsep yang diajarkan sambil menegakkan hubungan peribadi dengan kami. Saya berterima kasih atas sokongan istimewa mereka, sehingga saya mencapai sepenuh potensi.



Aya Broshi
VCE Proxime Accessit
ATAR 98.9

Kami selalu digalakkan agar menyelami motivasi kami masing-masing, dan mencapai kecemerlangan untuk kami sendiri. Saya seronok menyertai sukan ACS, demi sukan itu sendiri dan demi setia kawan dengan rakan pasukan. Selain itu, saya merasakan kepuasan mendalam serta pengalaman yang unik menyertai khidmat sajian makanan Lennie's Van.



Fabian Bonacci
IBDP Dux
44 (ATAR 99.7)

Aspek yang saya gemari tentang St Leonard's College adalah keragaman dan sikap menerima semua. Tidak kira apa minat pelajar, kami semua mendapat tempat dan boleh cemerlang.



Liou (Leo) Wang
IBDP Dux
44 (ATAR 99.7)

Paling saya sukai tentang St Leonard's College adalah budayanya yang menyokong kami semua. Di sinilah saya selalu berasa selesa, dihormati dan dihargai oleh semua orang yang saya temui, sehingga saya menikmati setiap hari saya di sini.



Callum Wilson
IBDP Dux
44 (ATAR 99.7)

St Leonard's membuka peluang dalam segala bidang, bukan akademik sahaja bahkan teater, sukan, muzik, dan pendidikan luar. Pelajar dapat berkembang mekar, meraih kecekapan dan pertalian yang akan menjadi bekal sepanjang hayat. Setiap pelajar diterima sebagai anggota komuniti Kolej dan digalakkan supaya meluahkan perwatakan sendiri.



Sacci Hoover
IBDP Proxime Accessit
43 (ATAR 99.35)

Tawaran mengikut Institusi

Universiti paling popular untuk graduan VCE dan IBDP kami ialah Universiti Monash (40.9%), Universiti Melbourne (30.6%), Universiti RMIT (11.3%) dan Universiti Deakin (9.1%).

Selain tawaran tempatan tersebut, Lulusan Tahun 2023 juga mendapat tawaran daripada pelbagai universiti di negeri lain. Antaranya, Universiti Nasional Australia (ANU), Queensland Conservatorium di Universiti Griffith, Universiti Queensland, Universiti New South Wales (UNSW), Universiti Sydney, dan Universiti Tasmania.

Bahkan, tawaran antarabangsa juga diterima daripada Universiti Oxford (UK) dan Universiti Nasional Singapura. Tahniah kepada Callum Wilson yang diterima untuk program Sarjana Muda Falsafah, Politik dan Ekonomi di Brasenose College, Universiti Oxford di England.

Tahniah kepada Kiera McNally, yang diiktiraf oleh Universiti Monash dengan dua laluan: Skim Kemasukan Pelajar Atlit dan Seniman Elit untuk atlit peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta Program Sokongan Pelajar Seniman Elit yang memberikan khidmat sokongan dan manfaat untuk mereka yang cemerlang di peringkat elit dalam sukan atau bidangnya. Tahniah juga kepada pelajar yang mendapat berasa, seperti berikut.



Pelajar yang Meraih Biasiswa

Lilac Ma: Biasiswa Pelajar Antarabangsa Naib Canselor, Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Sydney

Sophie McMillan: Biasiswa Pengetua Melbourne, Sarjana Muda Sastera, Universiti Melbourne

Violette O'Farrell: Biasiswa Narrm, Sarjana Muda Sains, Universiti Melbourne

Caitlyn Pham: Biasiswa Dekan Monash, Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) dan Sarjana Farmasi, Biasiswa Penemuan Bioperubatan Universiti Monash, Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Penerima Biasiswa), Universiti Monash

Aidan Velten: Biasiswa Tuckwell, Sarjana Muda Sains dan Sarjana Muda Keselamatan Antarabangsa, Universiti Nasional Australia (ANU)

Tawaran Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian paling popular adalah Undang-undang, Masyarakat dan Budaya (25.5%), Pengurusan dan Perdagangan (23.1%), Sains Alami dan Fizikal (13.9%), Kejuruteraan dan Teknologi Berkaitan (11.6%), Seni Kreatif (8.3%), Teknologi Maklumat (6%), Kesihatan (5.1%), Seni Bina dan Bangunan (3.7%), dan Pendidikan (2.8%).

